

1.0 KENYATAAN POLISI

- 1.1 Polisi Pengurusan Pameran bertujuan memberi panduan dan menerangkan prosidur pameran penyelidikan dan inovasi sama ada di peringkat **kebangsaan** atau **antarabangsa** kepada para penyelidik UTM.

2.0 PENDAHULUAN

- 2.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTM bertindak sebagai penyelaras untuk menyertai mana-mana pameran yang diiktiraf oleh MyRA.
- 2.2 Dokumen ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan penyertaan ke pameran produk penyelidikan di kesemua peringkat iaitu kebangsaan, antarabangsa dan pameran jemputan organisasi luar dan komuniti yang diuruskan oleh RMC.
- 2.3 RMC tidak menguruskan pameran yang dianjurkan oleh organisasi lain berbentuk pertandingan yang memerlukan perbelanjaan bagi setiap penyertaan melainkan pameran yang diiktiraf oleh MyRA.

3.0 MATLAMAT PAMERAN

- 3.1 Sebagai platform untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan kepada orang awam, organisasi, industri dalam dan luar negara.
- 3.2 Menjana pengetahuan baru dan membangunkan perkembangan ilmu terutamanya yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi. Ilmu yang diperolehi dapat membangunkan produk atau proses baru yang diperlukan untuk aktiviti pembangunan dan pengkomersilan. Ianya juga bertujuan untuk memperkasakan keupayaan dan kepakaran di Universiti.

4.0 OBJEKTIF POLISI

- 4.1 Menubuhkan pendekatan bersepadu di antara penyelidikan dan pembangunan Universiti
- 4.2 Menyediakan struktur pengurusan penyelidikan yang kondusif dalam membantu pelaksanaan pengembangan aktiviti penyelidikan
- 4.3 Memperkasa dan memperteguh penyelidikan dan pembangunan secara berkumpulan di bawah kawalan dan pengawasan Penyelidikan Bersekutu.
- 4.4 Memperkasakan penyelidikan melalui gabungan kerjasama ahli dari pelbagai disiplin
- 4.5 Memupuk kolaborasi penyelidikan di peringkat tempatan dan juga antarabangsa.

5.0 SKOP

- 5.1 Polisi Pengurusan Pameran ini disediakan untuk memberikan garis panduan dan peraturan kepada penyelidik sepanjang tempoh pameran berlangsung.
- 5.2 Polisi ini akan digunapakai oleh Universiti untuk tujuan pematuhan dan pengawalan keberkesanan serta standard kualiti aktiviti penyelidikan. Sebarang perubahan dan pindaan terhadap Polisi Penyelidikan dan Pembangunan ini mestilah mendapat kelulusan Mesyuarat JKTS Universiti.
- 5.3 Polisi ini meliputi DUA (2) aspek utama Pengurusan Pameran
 - i) Penilaian Produk
 - ii) Produk Yang Terpilih

6.0 PENILAIAN PRODUK

- 6.1 Senarai produk disaring daripada **penyertaan INATEX** dan telah memenangi Award sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 6.2 Produk penyertaan mestilah produk yang bermutu tinggi dan berpotensi untuk di komersilkan.
- 6.3 Saringan produk untuk menyertai pameran peringkat nasional & antarabangsa mesti di sokong oleh RA dan di luluskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan terlebih dahulu.
- 6.4 Bagi penyertaan peringkat antarabangsa, produk penyelidikan yang pernah memenangi anugerah peringkat Universiti/Kebangsaan sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 6.5 Keputusan pemilihan produk adalah muktamad dan tertakluk kepada budi bicara Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti.
- 6.6 Produk pameran mestilah telah didaftar sebagai harta intelek UTM.
- 6.7 Produk perlu mendapat persetujuan daripada ahli projek vot penyelidikan terlebih dahulu sebelum menyertai mana-mana pameran luar.
- 6.8 Hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk di komersilkan mungkin akan dihalang untuk menyertai pameran **KECUALI** setelah langkah yang perlu telah diambil untuk melindungi harta intelek berkaitan.

7.0 PRODUK YANG TERPILIH & PERBELANJAAN

- 7.1 Pendaftaran produk untuk menyertai pameran perlu melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti.
- 7.2 Kos perbelanjaan seperti yuran penyertaan, cetakan brosur, poster, alat tulis, cenderamata, penginapan, makanan dan pengangkutan akan ditanggung oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan **TERTAKLUK** kepada keputusan universiti.
- 7.3 Penyediaan poster dan brosur akan di selaraskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan. Penyelidik yang terpilih **WAJIB** menyerahkan draf terakhir bahan cetakan yang telah **DISAHKAN** oleh penyelidik kepada urusetia dalam masa yang ditetapkan.
- 7.4 Mana-mana penyelidik/co-researcher yang dibawa adalah dibawah tanggungjawab penyelidik itu sendiri.
- 7.5 Sebarang tuntutan kewangan yang melibatkan vot penyelidikan berhubung pameran tidak di benarkan tanpa sebarang kelulusan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti.